



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

8 Mei 2015 / 19 Rejab 1436

Iman Dan Tuntutan Berfikir

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي شَرَعَ لِلنَّاسِ مَا فِيهِ مَصْلَحَتُهُمْ فَأَمَرَهُمْ بِكُلِّ مَا فِيهِ نَفْعُهُمْ وَنَهَاهُمْ عَنِ كُلِّ مَا يَضُرُّهُمْ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الَّذِي أَعَزَّهُمْ بِهِ بَعْدَ الذَّلَّةِ وَجَمَعَهُمْ بِهِ بَعْدَ الْفُرْقَةِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَهْلِ النَّجْدَةِ وَالشَّهَامَةِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَعَلَانِيَتَكُمْ.

Sidang Jumaat yang saya kasihi,

Marilah kita berusaha untuk meningkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Semoga Allah s.w.t. mengolongkan kita dari golongan mereka yang dikurniakan kekuatan iman takwa sentiasa.

Saudaraku,

Setiap minggu mimbar ini telah mengingatkan kita berkali-kali untuk bertakwa dan beriman kepada Allah s.w.t. dalam setiap keadaan dan ketika. Ia merupakan satu rukun dalam khutbah Jumaat yang perlu disampaikan, tanpanya khutbah menjadi rosak serta berkemungkinan menjadi tidak sah. Akan tetapi saudaraku sekalian, apakah dia sebenarnya maksud “iman”? Apakah tuntutan keimanan seseorang itu?

Persoalan ini saya rasa penting untuk kita berusaha bagi memperoleh kefahaman yang menyeluruh tentangnya. Lebih-lebih lagi di zaman ini. Era di mana kita menyaksikan kebangkitan kesedaran agama di sisi masyarakat moden. Samada bagi mereka yang muslim mahupun yang bukan Islam. Ini adalah kerana, tanpa kefahaman yang tepat akan maksud “keimanan” itu sendiri, akan mengakibatkan kefahaman-kefahaman yang pelbagai, yang mungkin secara zahirnya kelihatan seperti sebahagian dari agama ini, sedangkan pada hakikatnya ia tiada kena-mengena dengan agama sekalipun.

Saudaraku,

Sekiranya kita membuka lembaran Al-Quran kita akan mendapati Al-Quran pada pelbagai ayatnya menjelaskan tentang ciptaan Tuhan. Seperti tanda kekuasaan Allah s.w.t. disebalik penciptaan langit dan bumi. Sebagai contoh firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Mulk:

الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ۗ مَا تَرَىٰ فِي خَلْقِ
 الرَّحْمَنِ مِن تَفَوُّتٍ ۗ فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَىٰ مِن
 فُطُورٍ ﴿٦٠﴾ ثُمَّ ارْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ
 خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ ﴿٦١﴾

Yang bermaksud: “Dia lah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan? Kemudian ulangilah pandangan (mu) berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang ia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga dengan sia-sia).”

Persoalannya sekarang adalah apakah hikmahnya Allah s.w.t. menjelaskan tentang ciptaanNya di dalam kitab suci Al-Quran? Selain dari ia merupakan sebagai bukti kekuasaan Allah s.w.t., ayat-ayat tersebut sebenarnya mengajak kita untuk berfikir dalam menghayati ciptaan Allah s.w.t. Ini adalah kerana iman memerlukan kepada proses berfikir dan penghayatan, dan bukan hanya mengikuti tanpa pemerhatian dan panduan.

Perhatikan sahaja ayat-ayat suci Al-Quran yang mendorong insan untuk berfikir dan menggunakan kekuatan mindanya. Berkali-kali Allah s.w.t. mengingatkan:

أَفَلَا تَعْقِلُونَ
أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ

Yang bermaksud: *“Tidakkah kamu berakal?”* Dan: *“Tidakkah kamu berfikir?”*

Ayat-ayat seperti ini mendorong insan untuk sentiasa berfikir dan menggunakan kekuatan akal untuk menghayati dan membuat pertimbangan bagi sesuatu perkara.

Saudaraku,

Mengambil kira dorongan Al-Quran bagi seorang mukmin untuk sentiasa berfikir, ada beberapa garis panduan agama yang diberi bagi seorang mukmin dalam berhadapan dengan pelbagai cabaran:

Pertama: Seorang mukmin itu, sering meneliti dan menghayati. Islam menggalak umatnya untuk meneliti segala maklumat agama yang diperolehi seseorang. Lebih-lebih lagi seperti maklumat agama yang kita perolehi melalui lelaman sosial.

Apakah betul ajaran yang diterima? Di mana sandarannya? Apakah itu penafsiran yang sebenarnya bagi ayat tersebut?

Apakah kesahihannya menurut pendapat para ulama? Persoalan-persoalan yang sedemikian, merupakan ciri seorang mukmin yang benar-benar berusaha untuk menghayati ajaran agamanya.

Saudaraku,

Perkara yang kedua yang perlu kita perhatikan adalah: Kebijaksanaan dan hikmah yang perlu dimiliki seorang mukmin. Sekiranya kita menelusuri hadith-hadith Nabi s.a.w. kita akan mendapati beberapa hadith di mana Nabi s.a.w. menyifatkan seorang mukmin sebagai insan yang bijak. Sebagai contoh hadith Nabi s.a.w. yang menjelaskan bahawa seorang mukmin tidak akan terjatuh di dalam satu lubang buat kali yang kedua [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Ia sekaligus mencerminkan kebijaksanaan dan kekuatan minda seorang mukmin, hasil dari latihan keimanan yang dilaluinya. Beliau tidak akan mengulangi satu kesilapan pernah berlaku.

Hadith ini, dan pelbagai lagi, menjelaskan bahawa seorang mukmin itu mampu untuk berfikir dan membuat pertimbangan yang tepat. Beliau tidak akan membuat satu keputusan dengan tergopoh-gapah. Ataupun dirinya akan cepat melatah dan bertegang urat di atas setiap isu yang dirinya berhadapan dengannya. Isu-isu yang permasalahan akan terus berlaku, ia merupakan asam garam kehidupan. Yang paling penting

adalah bagaimana kita berusaha untuk memperoleh pemahaman yang menyeluruh berkaitan isu-isu tersebut.

Perkara yang ketiga: Pemahaman agama itu memerlukan kepada ilmu dan pengetahuan. Pemahaman agama hanya mampu untuk diraih melalui ilmu agama yang menyeluruh. Ia memerlukan kepada pengorbanan masa dan tenaga bagi individu yang ingin mendalami agamanya serta memahami ayat-ayat suci Al-Quran dan hadith Nabi s.a.w. Setiap mukmin bertanggungjawab untuk mengetahui akan agamanya, untuk memahami isi kandung Al-Quran. Ingatlah saudaraku, antara persoalan yang akan ditanya esok di kubur menurut sebahagian riwayat adalah: *“Siapakah imam kamu?”* [Hadith riwayat Ad-Dailami]

Maka bagi mereka yang hidup dengan Al-Quran, menghayati ajarannya, mempelajari isi kandungannya mampu untuk menjawab esok: *“Imam aku adalah Al-Quran.”*

Maka jadilah kesempatan masa ini sebelum kedatangan bulan Ramadan, untuk memperkemas bacaan Al-Quran kita, untuk kembali membuka lembaran Al-Quran lalu mengikuti kelas-kelas agama yang tersebar dipelbagai masjid dan pusat swasta. Dengan harapan semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita taufiq untuk mempelajari Al-Quran dan menghayati ajarannya. Dan semoga kita ini dikurniakan kekuatan iman. Iman yang mendorong diri kita untuk berfikir. Iman yang

meningkatkan penghayatan kita terhadap agama kita, insyallah.
Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.